BAB 10 : KESAN KEGIATAN EKONOMI TERHADAP ALAM SEKITAR

GEOGRAFI TINGKATAN 5 KSSM
CIKGU NUR AMALINA BINTI HAJI TERSIDEN
SMK BINTULU, SARAWAK

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Mengenal pasti kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar
- Menghuraikan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar
- Membahaskan usaha mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar

10.1 KESAN KEGIATAN EKONOMI TERHADAP ALAM SEKITAR

Kegiatan ekonomi memberikan pelbagai kesan terhadap alam sekitar terutama kepada tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.

KEPUPUSAN

- Penebangan hutan menyebabkan kemusnahan habitat dan sumber makanan hidupan liar.
- Pencemaran air akibat pencemaran sisa pepejal dan sisa toksik menyebabkan kepupusan hidupan akuatik

Gajah Pygmy yang diancam kepupusan

PENCEMARAN ALAM SEKITAR

- Kegiatan pertanian yang menggunakan baja kimia, racun serangga.
- Kegiatan perindustrian dengan pembuangan sisa toksik.
- Pelepasan asap kilang.

PERUBAHAN LANDSKAP

- Pertukaran pandang darat fizikal sesuatu kawasan daripada persekitaran semula jadi kepada persekitaran baharu akibat aktiviti manusia.
- Kawasan hutan menjadi kawasan pertanian, pelancongan dan perindustrian.
- Kegiatan melombong bijih timah mewujudkan kawasan tasik bekas lombong, tanih berpasir dan kawasan tandus

PENINGKATAN SUHU BUMI

- Peningkatan suhu bumi berlaku akibat pertambahan gas rumah hijau seperti karbon dioksida (CO_2), karbon monoksida (CO), nitrogen oksida (NO_2) dan metana (CH_4).
- Punca utama ialah gas daripada pembakaran bahan api fosil, asap kilang dan asap kenderaan.

PENIPISAN LAPISAN OZON

- Bahan CFC sering digunakan dalam industri pembuatan penghawa dingin, aerosol dan peti sejuk.
- Penipisan lapisan ozon berlaku akibat pembebasan klorofl uorokarbon (CFC), karbon monoksida (CO) dan nitrogen oksida (NO2) ke atmosfera dari sektor perindustrian.



HAKISAN TANIH

- Kegiatan pertanian yang melibatkan penebangan pokok menyebabkan kawasan cerun bukit terdedah, mudah terhakis dan tanih menjadi longgar kerana akar tidak dapat mencengkam tanih.
- Tanah runtuh sering berlaku di lereng bukit akibat pembinaan lebuh raya dan pembukaan kawasan pertanian

10.2 Menghuraikan Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar

KESAN KEGIATAN PERTANIAN TERHADAP ALAM SEKITAR

- 1. Penerokaan kawasan hutan
- 2. Penggunaan bahan kimia
- 3. Aktiviti pembuangan dan pemprosesan sisa pertanian

PENEROKAAN KAWASAN HUTAN

- Pembukaan kawasan pertanian seperti ladang kelapa sawit.
- Kemusnahan habitat flora dan fauna.
- Pencemaran udara daripada pembakaran hutan
- Pertanian pindah mengurangkan kesuburan tanih
- Contoh Kalimantan Indonesia

PENGGUNAAN BAHAN KIMIA

- Racun serangga dan racun rumpai meninggalkan bahan toksik seperti zink dan plumbum menyebabkan berlaku pencemaran udara, air dan tanih
- Contoh di Cameron Highland Pahang

AKTIVITI PEMBUANGAN DAN PEMPROSESAN SISA PERTANIAN

- Sisa pertanian seperti jerami padi dan hampas kelapa sawit yang dilupuskan secara tidak terancang menyebabkan pencemaran udara dan air.
- Contohnya pembakaran jerami padi di daerah Nghe An, Vietnam

KESAN KEGIATAN INDUSTRI PEMPROSESAN DAN PEMBUATAN TERHADAP ALAM SEKITAR

- 1. Pembinaan Tapak Perindustrian
- 2. Pembebasan Gas dan Habuk Kilang
- 3. Pembuangan Sisa Toksik

PEMBINAAN TAPAK PERINDUSTRIAN

- Kawasan hutan ditebang untuk membina kawasan perindustrian.
- Contoh : pembinaan kawasan perindustrian petrokimia di Kerteh, Terengganu

PEMBEBASAN GAS DAN HABUK KILANG

- Pembebasan gas dan habuk dari kilang menyebabkan pencemaran udara.
- Pembebasan CFC menipiskan lapisan ozon.
- Fenomena pulau haba
- Hujan asid

PEMBUANGAN SISA TOKSIK

- Kepupusan hidupan akuatik
- Gangguan bekalan air domestik
- Kesihatan manusia terjejas

KESAN KEGIATAN PERLOMBONGAN TERHADAP ALAM SEKITAR

- 1.Penerokaan Kawasan Sumber Mineral
- 2. Pembinaan Kawasan Industri dan Infrastruktur
- 3. Sisa Perlombongan
- 4. Pengangkutan Hasil Perlombongan
- 5. Tinggalan Lombong

PENEROKAAN KAWASAN SUMBER MINERAL

- Kerja-kerja perlombongan sumber mineral boleh mengganggu ekosistem hutan, sungai dan laut
- Kemusnahan hutan
- Kemusnahan terumbu karang
- Ancaman flora fauna
- Contoh Perlombongan Arang Batu di Wilayah Guizhou, China

Perlombongan arang baru di Wilayah Guizhou China

PEMBINAAN KAWASAN INDUSTRI DAN INFRASTRUKTUR

- Perubahan landskap berlaku akibat pembinaan kawasan industri dan infrastruktur.
- Kawasan pantai menjadi kawasan industri petrokimia akibat perlombongan petroleum dan gas asli.
- Contohnya perlombongan petroleum di Kerteh, Terengganu dan di Texas, Amerika Syarikat

SISA PERLOMBONGAN

- Pembuangan sisa perlombongan menyebabkan pencemaran air dan udara
- Contohnya perlombongan batu kapur di Tasek, Perak

PENGANGKUTAN HASIL PERLOMBONGAN

- Pencemaran air dan tanah berlaku disebabkan kemalangan atau tumpahan hasil perlombongan semasa pengangkutan.
- Sebagai contoh, air laut tercemar disebabkan perlanggaran kapal pengangkut minyak di laut.

Kesan pengangkutan bauksit di Kuantan, Pahang

TINGGALAN LOMBONG

- Kawasan bekas lombong ditinggalkan selepas kehabisan sumber.
- Kawasan tinggalan lombong akan menjadi kawasan tandus yang tidak sesuai untuk aktiviti pertanian

Kawasan tinggalan perlombongan bijih timah di Ipoh, Perak.

KESAN KEGIATAN PELANCONGAN TERHADAP ALAM SEKITAR

- 1. Pembinaan Hotel dan Resort di Kawasan Pinggir Pantai
- 2. Pembuangan Bahan Kumbahan dan Sisa Makanan
- 3.Penerokaan Kawasan Tanah Tinggi

PEMBINAAN HOTEL DAN RESORT DI KAWASAN PINGGIR PANTAI

- Hakisan pantai
- Gangguan ekosistem
- Perubahan landskap

Pantai Miami, Florida Amerika Syarikat

PEMBUANGAN BAHAN KUMBAHAN DAN SISA MAKANAN

Pencemaran air laut dan sungai berlaku disebabkan penyaliran sisa kumbahan dari hotel dan resort.

Resort di pantai terkenal Acapulco, Mexico membuang sisa kumbahan terus masuk ke dalam laut

PENEROKAAN KAWASAN TANAH TINGGI

- Penerokaan hutan di kawasan tanah tinggi untuk membina hotel dan resort menyebabkan kemusnahan kawasan hutan.
- Perubahan landskap
- Perubahan suhu setempat
- Tanah runtuh
- Pencemaran air

Colmar Tropicale Berjaya Hills, Bukit Tinggi Pahang

10.3 USAHA MENGURANGKAN KESAN KEGIATAN EKONOMI TERHADAP ALAM SEKITAR

PENILAIAN IMPAK ALAM SEKITAR (EIA)

- Membolehkan impak ke atas alam sekitar dikenal pasti dan langkah-langkah kawalan dapat dilaksanakan.

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

- Malaysia - Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Sisa Buangan Industri) 1979.
- Agensi terlibat ialah Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan

KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR

- Kesedaran masyarakat
- Dilaksanakan oleh kerajaan dan NGO
- Melalui media sosial, internet dan kaedah poster

PENDIDIKAN ALAM SEKITAR

- Mewujudkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan usaha memelihara alam sekitar
- Peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi

DASAR&PENTADBIRAN

FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH

Syor Pendidikan Alam Sekitar di sekolah

BP 3/11/19

Bincang subjek secara terperinci dengan Kementerian Pendidikan

Wan Junaidi dan Hamim serta Azizon bersama peserta selepas sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Putrajaya, semalam.

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

▶ Putrajaya

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sudah menyiapkan kertas cadangan memperkenalkan subjek Pendidikan Alam Sekitar peringkat TADIKA, sekolah rendah dan menengah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata kementeriannya akan mengadakan perbincangan terperinci dengan Kementerian Pendidikan sebelum memutuskannya.

"Ia dapat memastikan generasi muda diterapkan tanggungjawab dan kesedaran terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar, tahu cara mengaja atau melindungi alam semula jadi negara.

"Saya akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan mengenai pengisian subjek dan keperluan melatih tenaga pengajar sebelum membentangkan usul itu di Kabinet. Kita berharap ia dapat dilaksanakan tahun depan.

Utama pulihara alam sekitar

"Kaedah ini dapat mendorong generasi muda membudayakan amalan mengutamakan pemuliharaan alam sekitar dengan lebih berkesan," katanya selepas dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) peringkat kementerian, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr Hamim Samuri dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Azizan Ahmad.

Sementara itu, katanya, tiga perkara asas dikongsi peserta dialog berkenaan, iaitu udara, air dan alam sekitar bersih, hanya boleh dinikmati menerusi kerjasama semua pihak dan masyarakat.

"Kuasa kementerian terbatas kerana isu air dan alam sekitar terlaksana di bawah kerajaan negeri. Ia menyebabkan tindakan seperti dalam tragedi tanah runtuh di Pulau Pinang dan pencemaran amaronia di Sungai Sayong di Kulai, Johor.

"Justeru, undang-undang baharu digubal bagi memberikannya agensi kerajaan mengambil tindakan terhadap kegiatan haram yang mengejutkan ekosistem alam sekitar di seluruh negara seperti operasi kilang haram," katanya.

Berita Harian 3/11/2019

PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU

- Penggunaan teknologi hijau termasuklah penggunaan sumber tenaga boleh baharu seperti tenaga suria dan penggunaan jentera biodiesel yang kurang mencemarkan alam sekitar

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

- Dijalankan untuk menghasilkan teknologi yang tidak mencemarkan alam sekitar.
- Contohnya Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) menjalankan kajian untuk menghasilkan baja organik dan kaedah biologi dalam pertanian

Kitar Semula

Bertujuan menjimat kan penggunaan sumber seterusnya mengurangkan penc emaran alam sekitar.

PENGHUTANAN SEMULA

- Penanaman semula pokok selepas aktiviti pembalakan dapat mengurangkan hakisan dan menjamin bekalan kayu-kayan pada masa depan

TAMAT

SEMOGA KITA SEMUA BERJAYA DUNIA AKHIRAT